

15 MAY 1997

DR MAHATHIR SERAHKAN KEPADA ANWAR TENTUKAN KM MELAKA

SERI ISKANDAR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menyerahkan kepada timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melantik Ketua Menteri Melaka yang baru berikutan kematian Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani semalam.

Oleh kerana beliau akan bercuti selama dua bulan tidak lama lagi, Anwar selaku pemangku Perdana Menteri mempunyai "kuasa penuh" untuk membuat pelantikan itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau sedang memikirkan mengenai beberapa calon tetapi tidak membuat sebarang keputusan kerana jawatan itu tidak perlu diisi segera.

Ketika ditanya sama ada beliau akan sekali melakukan kejutan dengan melantik seorang menteri pusat ke jawatan itu seperti yang dilakukan untuk jawatan Menteri Besar Selangor, Dr Mahathir secara berseloroh berkata beliau berhasrat untuk melakukan sesuatu yang "benar-benar mengejutkan" dengan melantik seorang pemberita ke jawatan itu. -- BERNAMA

HK MAI